



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 2 FEBRUARI 2024

HARI : JUMAAT

RUANGAN: KOMUNITI KITA

HALAMAN: 28

28

Utusan Malaysia
JUMAAT • 2 FEBRUARI 2024

Hantarkan gambar aktiviti bersama keterangan ke utusannews@mediamulia.com.my



Komuniti Kita



Kanak-kanak Tabika Kemas Kampung Nesam dirai

SERAMAI 38 kanak-kanak dari Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Kampung Nesam diraikan dalam Majlis Akhir Tahun di Dewan Orang Ramai, Kampung Nesam, Kangar, Perlis, semalam. Majlis yang disempurnakan

oleh Penasihat Tabika Kemas Kampung Nesam, Abd. Jamil Akob itu berlangsung meriah dengan pelbagai aktiviti menarik seperti cabutan bertuah, persembahan nyayian serta jamuan makan.

Guru tabika berkenaan, Zaiton

Saad yang mengajar di situ sejak 10 tahun lalu berkata, kanak-kanak di tabika tersebut terdiri daripada mereka berusia empat sehingga enam tahun.

"Kanak-kanak ini menunjukkan perkembangan yang cukup baik dan mempunyai potensi

apabila menjejak kaki ke sekolah rendah selepas ini. Kita juga amat berbesar hati ibu bapa serta penduduk setempat di kawasan ini terus menghantar anak-anak mereka menuntut di tabika ini," katanya.

■ KANAK-KANAK dari Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Kampung Nesam dan ibu bapa bergambar pada Majlis Akhir Tahun di Dewan Orang Ramai, Kampung Nesam, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB